

Anwar dedah Malaysia terima ugutan Ahli Parlimen Eropah

PM tidak akan tunduk, gentar dan akan terus perjuangkan isu Palestin

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan Malaysia menerima ugutan daripada pemimpin negara Eropah berhubung kelantangan Malaysia memperjuangkan isu Palestin.

Perdana Menteri berkata, ugutan berkenaan adalah daripada seorang Ahli Parlimen Eropah yang mengusulkan sekatan terhadap Malaysia.

Dalam hal itu, Malaysia tegas Perdana Menteri, tidak sekali-kali patah semangat dan tidak akan menghiraukan sebarang ugutan daripada mana-mana pihak agar sekatan dibuat terhadap negara ini.

"Ada Ahli Parlimen Eropah yang usulkan perkara ini terhadap Malaysia. Tidak jadi masalah, kita usah hirau soal ini. Kita ada urusan kerja. Insya-Allah kita akan teruskan kerja kita.

"Kita terpaksa menyuarakan pandangan (berhubung penindasan Israel terhadap Palestin)



Anwar bersama barisan kenamaan dan orang ramai membaca Doa Qunut Nazilah pada Perhimpunan Malaysia Bersama Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil, kelmarin. (Foto BERNAMA)

daripada Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia (MMU) di sini, semalam.

Kelmarin, dalam Perhimpunan Malaysia Bersama Palestin, Anwar mengakui menerima banyak ugutan dan teguran oleh negara yang cenderung kepada Israel, khususnya Amerika Syarikat (AS).

Beliau menegaskan, selagi diberi mandat dan kepercayaan oleh rakyat, beliau selaku ketua kerajaan tidak akan tun-

duk dan gentar dengan sebarang ugutan.

Sedar risiko kelantangan

Sebelum itu, ketika mengadakan lawatan kerja sempena menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) di Riyadh, Arab Saudi, minggu lalu, Anwar dengan tegas menyatakan bahawa Malaysia menyedari dan menjangkakan akan ada tindak balas beberapa negara Barat berhubung kelantangan negara membela nasib rakyat Palestin.

Namun, Perdana Menteri berkata, beliau tiada pilihan

menyuarakan isu Palestin dan kekejaman berterusan rejim Zionis Israel di bumi Gaza meskipun akan ada risiko kecil yang mendarang.

Mengulas lanjut mengenai kesan daripada pendirian berkenaan terhadap keselamatan negara, Anwar berkata, beliau tidak bimbang soal itu dan menyerahkan sepenuhnya kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

"Soal keselamatan, Ketua Polis Negara ada, Mereka akan uruskan, jadi saya tidak bimbang. Kita akan teruskan kerja kita," katanya.

Lebih daripada 5,000 warga Palestin terbunuh, manakala sekurang-kurangnya 18,000 lagi cedera dalam serangan Israel di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat sejak 7 Oktober lalu.

Terbaharu, dalam serangan udara semalaman rejim Israel semalam, sekurang-kurangnya 700 penduduk Palestin terbunuh, dengan angka kematian dikhuatiri meningkat.

Ketika ini, usaha mencari mangsa terperangkap di bawah runtuh bangunan masih berterusan kerana kawasan yang musnah dilaporkan agak besar.